

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 4 MAC 2016 (JUMAAT)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Aplikasi beri maklumat lokasi wabak	Berita Harian
2.	Kes demam denggi diramal lebih buruk tahun ini – Dr Subramaniam	BERNAMA
3.	Lebih parah : Kementerian Kesihatan jangka demam denggi tahun ini melonjak berbanding 2015	Harian Metro
4.	Denggi lebih buruk tahun ini	Sinar Harian
5.	Biggest epidemic in history this year	New Straits Times
6.	New app for latest dengue stats	Malay Mail
7.	Zika warning	The Sun
8.	NanoMalaysia meterai MoU dengan 10 syarikat pembuatan di bawah NGAP 2020	BERNAMA
9.	Tiada air pasang surut luar biasa di Utara - APBN	BERNAMA
10.	Gempa kedua landa Timur Laut Kupang, Indonesia	BERNAMA
11.	Gempa bumi bermagnitud 5.7 di Sumatera pagi ini	BERNAMA
12.	It will be a hot month with El Nino in full swing	The Sun
13.	ECERDC laksana program inap desa di Kampung Air Papan, Mersing	BERNAMA

Aplikasi beri maklumat lokasi wabak

» Sistem guna perisian boleh dimuat turun untuk maklumat titik panas

Oleh Errah Amran dan Wan Nur Faliqha Wan Hazani
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur

Applikasi Mobile iDengue yang dilancarkan semalam bertujuan memberi pengetahuan serta memperluaskan capaian pengguna mengenai wabak denggi yang semakin meningkat di negara ini.

Pelancaran aplikasi itu hasil kerjasama Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) di antara Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM) dan Kementerian Kesihatan Malaysia menerusi Bahagian Kawalan Penyakit (BKP).

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Madius Tangau, berkata sistem itu menggunakan perisian 'open source'

melalui kemudahan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) untuk pengguna dan mula dihaungkan pada November 2015.

"Aplikasi ini menyediakan pelbagai maklumat mengenai wabak denggi dan boleh dimuat turun di 'Play Store' dan 'App Store'. Pengguna boleh mengetahui status dan maklumat terkini berkaitan denggi di kawasan mereka secara serta-merta.

"Ia termasuk statistik kes denggi di negara ini yang dikemas kini setiap hari, peta lokasi titik panas serta jadual laporan kes harian," katanya ketika ditemui pada majlis pelancaran aplikasi berkenaan yang turut dihadiri Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr S Subramaniam, di sini semalam.


Katanya, aplikasi itu dapat meningkatkan kesedaran masyarakat untuk bersamasama memerangi serta menangani pembiakan aedes, selain membolehkan pengguna membuat aduan serta memberi maklumat mengenai wabak

itu kepada pihak berkaitan untuk tindakan lanjut.

Beliau berkata, kerjasama ARSM dan BKP itu juga dapat membangunkan Sistem Pengurusan Wabak Denggi (SPWD) untuk pemantauan secara inovatif yang beroperasi secara berperingkat di

INFO

Aplikasi Mobile iDengue



negara ini sejak tahun 2011.

Data GIS

"SPWD menggunakan data maklumat informasi geografi (GIS), iaitu penggunaan imej satelit beresolusi tinggi untuk mengenal pasti lokasi berisiko tinggi pembiakan aedes, antaranya kawasan pembinaan dan kawasan pembuangan sampah secara ha-

ram," katanya.

Sementara itu, Dr Subramaniam berkata, kepadatan kawasan penempatan penduduk dan isu kebersihan persekitaran kediaman antara faktor kes denggi meningkat di negara ini, diburukkan lagi dengan sikap penduduk yang kurang peka terhadap aspek kebersihan, selain kelewatan proses punga-

tan sampah.

"Setakat ini, sebanyak 26,533 kes denggi membabitkan 55 kematian direkodkan dari tempoh Januari lalu berbanding 25,028 kes dengan 65 kematian bagi tempoh sama tahun lalu. Daripada jumlah itu, Selangor menyumbang 70 peratus dengan rekod tertinggi iaitu 13,306 kes dan 18 kematian," katanya.



Pegawai Penyelidik Aplikasi, Syalini Shafiee (kiri) dan Norimanah Mazelan menunjukkan aplikasi Mobile iDengue yang boleh diakses melalui telefon pintar dan tablet.



Madius ketika sidang media pada majlis pelancaran Aplikasi Mobile iDengue di Kuala Lumpur, semalam. Yang turut hadir S Subramaniam. (FOTO TAZIT RAZALI/BH)



Kes Demam Denggi Diramal Lebih Buruk Tahun Ini - Dr Subramaniam



Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr S. Subramaniam (kiri) bersama Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Madius Tangau pada Majlis Pelancaran Aplikasi Mobile iDengue di Agensi Remote Sensing Malaysia

KUALA LUMPUR, 3 Mac (Bernama) -- Kes demam denggi di seluruh negara diramal menjadi lebih buruk tahun ini berbanding tahun lepas apabila 26,533 kes dilaporkan sejak Januari hingga semalam, kata Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr S. Subramaniam.

Beliau berkata jumlah itu menunjukkan peningkatan lebih 1,400 kes berbanding 25,028 kes dalam tempoh sama tahun lepas.

"Daripada jumlah itu, sebanyak 55 kematian direkodkan di seluruh negara berbanding 65 kematian bagi tempoh sama tahun lepas, serta lebih 2,800 kes baharu denggi dilaporkan setiap minggu di seluruh negara," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.



Beliau berkata demikian selepas melancarkan aplikasi Mobile iDengue hasil kerjasama Kementerian Kesihatan dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) yang diwakili menteri berkenaan Datuk Seri Madius Tangau.

Dr Sumbramaniam berkata kes denggi dijangka meningkat atas faktor termasuk kebersihan persekitaran, pemungutan sampah yang tidak berjadual, sikap rakyat yang tidak bertanggungjawab selain nyamuk Aedes yang merupakan vektor utama wabak denggi.

"Kewujudan aplikasi Mobile iDengue meningkatkan lagi keberkesanan kaedah penyaluran maklumat mengenai status denggi dengan mudah, cepat dan tepat kepada pengguna,"katanya.

Dr Subramaniam berkata Selangor mencatatkan jumlah kes baharu demam denggi tertinggi dengan 13,306 kes atau 70 peratus daripada jumlah di seluruh negara.

Ia berlaku atas faktor-faktor dari segi kepadatan penduduk dan jenis penempatan yang ada di negeri itu, katanya.

Berdasarkan kenyataan Kementerian Kesihatan, sebanyak 18 kematian direkodkan di Selangor diikuti dengan sembilan kematian di Pulau Pinang dan Terengganu manakala Negeri Sembilan (5), Johor (3), Sarawak (3), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya (2) serta Pahang (2).

Ini diikuti dengan masing-masing satu kes kematian bagi negeri Kedah, Melaka, Kelantan dan Sabah.

Dalam perkembangan lain, Dr Subramaniam berkata keputusan ujian bagi makanan yang didakwa mengandungi serpihan kaca yang dimakan tujuh pelajar Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Ladang Nigel Gardner, Hulu Selangor akan siap selepas tiga minggu.

Minggu lepas, media melaporkan tujuh murid itu dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh pada Jumaat lepas setelah termakan sarapan yang didakwa mengandungi serpihan kaca halus.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak pada Isnin lepas turut berkongsi perasaan marah dan kecewa dan mengarahkan siasatan menyeluruh dijalankan bagi mengetahui punca kejadian.

-- BERNAMA



FOTO: YAZIT RAZALI

DR Subramaniam (tengah) diberi penerangan oleh Pegawai Penyelidik Aplikasi, Syalini Shafiee mengenai Mobile iDengue sambil diperhatikan Madius, semalam.

Lebih parah

■ Kementerian Kesihatan jangka demam denggi tahun ini melonjak berbanding 2015

Oleh Nor 'Asyikin Mat Hayin
asyikin.mat@hmetro.com.my
Kuala Lumpur

Kementerian Kesihatan menjangkakan demam denggi tahun ini lebih buruk berikutan bilangan kes dicatatkan setakat Januari hingga 2 Mac menunjukkan kenaikan membimbangkan berbanding tempoh sama tahun lalu.

Menterinya, Datuk Seri Dr S. Subramaniam berkata, jumlah kes demam denggi yang dicatatkan dalam tiga bulan pertama 2016 ialah 26,533 berbanding 25,028 pada tempoh sama tahun lalu.

Beliau berkata, daripada jumlah itu, 55 kematian dilaporkan yang turut membabitkan kanak-kanak berusia kurang 12 tahun.

"Trend wabak ini meningkat secara berterusan sejak 2011 dan secara puratanya 2,800 kes denggi berlaku setiap hari.

"Fenomena El Nino dan sikap masyarakat tidak menjaga kebersihan menjadi faktor utama pe-

ningkatan wabak berkenaan," katanya selepas melancarkan Mobile iDengue di Agensi Remote Sensing Malaysia, di sini, semalam.

Turut hadir, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Datuk Seri Madius Tanngau.

Aplikasi itu hasil inovasi menerusi kerjasama Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) antara MOSTI dengan Kementerian Kesihatan.

Ia boleh dimuat turun di

telefon pintar menerusi Play Store dan App Store dengan menyediakan maklumat terkini denggi dengan lebih tepat termasuk lokasi panas dan laporan denggi harian.

Dr Subramaniam berkata, aplikasi berkenaan adalah kesinambungan daripada Portal Sistem iDengue untuk komuniti yang diwujudkan bagi meningkatkan kesedaran dan pembabitkan masyarakat menangani wabak denggi di negara ini.



SYALINI menunjukkan aplikasi Mobile iDengue yang boleh diakses melalui telefon pintar dan tablet.

Denggi lebih buruk tahun ini

KUALA LUMPUR - Kes demam denggi di seluruh negara diramal menjadi lebih buruk tahun ini berbanding tahun lalu apabila 26,533 kes dilaporkan sejak Januari hingga kelmari, kata Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr S Subramaniam.

Beliau berkata, jumlah itu menunjukkan peningkatan lebih 1,400 kes berbanding 25,028 kes dalam tempoh sama tahun lalu.

"Daripada jumlah itu, 55 kematian direkod di seluruh negara berbanding 65 kematian bagi tempoh sama tahun lalu, serta lebih 2,800 kes baharu dilapor setiap minggu di seluruh negara," katanya selepas melancarkan aplikasi *Mobile iDengue* hasil kerjasama Kementerian Kesihatan dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) yang diwakili menterinya, Datuk Seri Madius Tangau.

Subramaniam berkata, kes denggi dijangka meningkat atas faktor termasuk kebersihan persekitaran, pemungutan sampah tidak berjadual, sikap rakyat tidak bertanggungjawab selain nyamuk



Subramaniam (tengah) bersama Madius Tangau (kanan) diberi taklimat pada Majlis Pelancaran Aplikasi Mobile iDengue. Foto: BERNAMA

aedes yang merupakan vektor utama wabak denggi.

"Kewujudan aplikasi *Mobile iDengue* meningkatkan lagi keberkesanan kaedah penyaluran maklumat status denggi dengan mudah, cepat dan tepat," katanya.

Beliau berkata, Selangor mencatatkan jumlah kes baharu demam denggi tertinggi dengan 13,306 kes atau 70 peratus daripada jumlah di seluruh negara.

Menurutnya, ia berlaku atas fak-

tor kepadatan penduduk dan jenis penempatan di negeri itu.

Berdasarkan kenyataan Kementerian Kesihatan, 18 kematian direkod di Selangor diikuti sembilan kematian di Pulau Pinang dan Terengganu manakala Negeri Sembilan (5), Johor (3), Sarawak (3), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya (2) serta Pahang (2). Ini diikuti masing-masing satu kes bagi Kedah, Melaka, Kelantan dan Sabah. -Bernama

Biggest epidemic in history this year

EL NINO: Dry spells leading to epidemic, says health minister

VEENA BABULAL
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

MALAYSIA is expected to face the biggest dengue epidemic in history this year.

Health Minister Datuk Seri Dr S. Subramaniam said the problem was due to the El Nino phenomenon, which worsened the situation compared with last year where 111,285 cases and 301 deaths were recorded as of Dec 5.

El Nino is expected to bring dry spells until June with longer stretch-

es without rain and higher temperature, accelerating the growth and aggression of Aedes mosquitoes.

Dr Subramaniam said as of March 2, 26,533 cases were recorded by the ministry compared with 25,028 cases in the same period last year.

"We are looking at a serious epidemic this year. There has been an increase of 1,500 cases compared with the same period last year.

"An average of 2,800 cases have



been recorded weekly this year, with 13,306 cases recorded in Selangor," he said at the launch of iDengue, a Web-based application providing information on the disease here yesterday.

He said a worrying feature of the outbreak was deaths involving children under 12.

He said factors that contributed to the increase in dengue cases included cleanliness of the environment, which contributed to the breeding of the Aedes mosquitoes.

"How do we control this issue? It is up to us to keep our surroundings clean. There are weaknesses in this area."

He said the public was lackadaisical and threw rubbish everywhere, which led to the breeding of mosquitoes.

He said eradicating breeding grounds was complicated as a change in attitude among people was not "satisfactory".



Application researcher officer Syaini Shafie (left) explaining how to use iDengue to Health Minister Datuk Seri Dr S. Subramaniam (centre) at the Malaysia Remote Sensing Agency in Kuala Lumpur yesterday. With them is Science, Technology and Innovation Minister Datuk Seri Wilfred Madius Tangau. Pic by Yazit Razali

"The Aedes Index (AI), or the density level of Aedes, remains high."

Ministry officials said an AI of one and above was deemed critical as it could lead to a dengue outbreak.

The highest AI as of the last week of February was recorded in Pangsa-puri Persada in Section 13, Petaling Jaya, Selangor, at 35.7 per cent.

Taman Jaya Emas recorded the highest AI in Johor at 9.2 per cent and Villa Homes in Seremban, Negri

Sembilan, recorded an AI of 0.4 per cent.

Science, Technology and Innovation Minister Datuk Seri Wilfred Madius Tangau said iDengue used remote sensing to give real-time updates on dengue statistics, hotspots and reminders.

The application, available for free on iOS and Android platforms, was an extension of the iDengue community portal developed three years ago by science, technology and innovation and health ministries.



New app for latest dengue stats

Remote Sensing Agency Malaysia ICT and application division researchers Syalini Shafiee (left) and Norimaniah Mazelan display the **iDengue** mobile application after it was launched by Health Minister Datuk Seri Dr S. Subramaniam, and Science, Technology and Innovation Minister Datuk Seri Madius Tangau yesterday. The application, developed in collaboration between the two ministries, will provide users with the latest dengue statistics nationwide. — Picture by Bernama

Zika warning



Conditions ripe for virus to **SPREAD QUICKLY** if it comes: Subra

BY **LEE CHOON FAI**
newsdesk@thesundaily.com

KUALA LUMPUR: Conditions are ripe for the Zika virus to spread quickly should the disease arrive in Malaysia.

In warning the public of the danger, Health Minister Datuk Seri Dr S. Subramaniam said this is because the virus is transmitted by Aedes mosquitoes which are also responsible for the dengue epidemic in the country.

The Zika virus has dengue-like

symptoms and is suspected to have caused thousands of birth defects, called microcephaly, in Brazil.

The Zika virus currently found in Brazil and other countries in South America is also a risk as Aedes mosquitoes also transmit it, he warned.

"If Zika manages to get into Malaysia by any means, then the conditions are ripe for it to be transmitted," Subramaniam said when launching the iDengue mobile application that lets users

TURN TO PAGE 04 ►

Eliminate breeding grounds: Subra

► **FROM FRONT PAGE**

keep track of dengue statistics in real time.

Subramaniam reminded the public about the importance of eliminating mosquito breeding grounds as this will not only halt the dengue epidemic, but will also prevent a Zika epidemic.

According to the minister, the Zika virus can only be detected by complex blood tests which are only available in major hospitals in Malaysia.

Subramaniam said 55 people have died from dengue fever so far this year, 10 fewer than the 65 fatalities recorded in the same period last year.

A total of 26,533 dengue cases have been

detected so far, which is more than the 25,028 recorded in the same period last year.

Subramaniam said about 2,800 dengue cases are detected per week on average, of which about 70% occur in Selangor.

"Selangor is the biggest contributor because of population density and environmental cleanliness such as rubbish," he said.

He cautioned that the country may experience the worst dengue epidemic in history this year, as the highest number of cases were recorded last year, with an upward trend.

Dengue cases have been on the rise continually since 2011, with each year recording higher numbers than the last.



NanoMalaysia Meterai MoU Dengan 10 Syarikat Pembuatan Di Bawah NGAP 2020

PUTRAJAYA, 3 Mac (Bernama) -- [NanoMalaysia Bhd, syarikat jaminan berhad di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi](#), memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan 10 buah syarikat pembuatan di bawah Pelan Tindakan Grafin Kebangsaan 2020 (NGAP 2020).

Majlis pemeteraian itu disaksikan oleh [Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Madius Tangau](#) bersama Ketua Pegawai Eksekutif Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan Datuk Seri Idris Jala dan [Pengerusi NanoMalaysia Prof Emeritus Datuk Ir Dr Zawawi Ismail](#).

Dalam kenyataan yang dikeluarkan sempena majlis itu, Madius berkata MoU itu mempunyai potensi untuk menyumbang RM20 bilion kepada pendapatan negara kasar dan mewujudkan 9,000 pekerjaan baharu dalam industri terpilih menjelang 2020.

Beliau berkata lima bidang tumpuan keutamaan yang telah dikenal pasti ialah bateri lithium-ion, bahan tambahan getah, cecair nano (cecair penggerudian dan pelincir), dakwat konduktif dan bahan tambahan plastik.

"Pada masa ini, grafin, bahan nano berasaskan karbon, masih awal dalam kitaran pembangunannya dan saya berharap projek kerjasama ini akan meningkatkan ekonomi negara ke arah negara berpendapatan tinggi melalui sains, teknologi dan inovasi," katanya.

Sementara itu, [Ketua Pegawai Eksekutif NanoMalaysia Dr Rezal Khairi Ahmad](#) berkata grafin, yang ditemui pada 2004, dapat meningkatkan ketahanan plastik dan getah, menjadikan bahagian sistem mekanikal dan produk lebih tahan lama berbanding sebelum ini.

Bercakap kepada pemberita selepas majlis itu, beliau berkata grafin dijangka memainkan peranan penting dalam beberapa tahun akan datang, dengan Malaysia mendapat peluang untuk menjadi antara peneraju awal menerima pakai grafin.

-- BERNAMA



Tiada Air Pasang Surut Luar Biasa Di Utara - APBN

KUALA LUMPUR, 3 Mac (Bernama) -- Agensi Pengurusan Bencana Negara (APBN) memaklumkan tiada laporan kejadian air pasang surut luar biasa berlaku di pesisir pantai Perlis, Kedah dan Pulau Pinang.

Timbalan Ketua Pengarahnya Datuk Muhammad Yusoff Wazir berkata setakat ini tiada amaran tsunami diterima melalui Sistem Amaran Awal Tsunami berhampiran pantai barat daya Sumatera.

"Keadaan dilaporkan masih terkawal berikutan tiada laporan diterima dan kadar air pasang surut berada dalam keadaan biasa di kebanyakan kawasan.

"Bagaimanapun, kita telah mengeluarkan amaran kepada orang ramai supaya jangan berada berhampiran pantai selepas amaran tsunami dikeluarkan Indonesia malam tadi," katanya kepada Bernama di sini hari ini.

Menurutnya [Jabatan Meteorologi Malaysia](#) boleh menerima amaran awal tsunami melalui Sistem Amaran Awal Tsunami sekiranya terdapat gegaran mencapai 8.0 skala Richter dari dasar laut.

"Sistem amaran awal tsunami telah dipasang di bangunan berhampiran pantai seperti di masjid, hotel dan sekolah selepas berlaku bencana tsunami pada 2004.

"Sekiranya terdapat tsunami, anggota yang memantau pantai akan memaklumkan kepada bilik gerakan untuk tindakan lanjut," katanya.

Setakat ini, 90 anggota APBN bersama 133 anggota Pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia (SMART) diletakkan dalam keadaan berjaga-jaga susulan gempa bumi kuat berukuran 7.9 pada skala Richter di barat daya Sumatera, 1,140 kilometer barat daya Port Dickson, Negeri Sembilan pada pukul 8.49 malam tadi.

Sementara itu, Muhammad Yusoff berkata APBN juga sentiasa berkomunikasi dengan semua agensi keselamatan untuk menggerakkan operasi menyelamatkan di seluruh negara jika berlaku bencana akibat gempa bumi.

Menurutnya agensi kerajaan yang terlibat adalah Jabatan Meteorologi Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Pertahanan Awam dan Angkatan Tentera Malaysia.

-- BERNAMA



Gempa Kedua Landa Timur Laut Kupang, Indonesia

KUALA LUMPUR, 3 Mac (Bernama)-- Gempa sederhana yang berlaku buat kali kedua, berukuran 5.5 pada skala Richter, melanda timur laut Kupang, Indonesia, petang ini.

Dalam satu kenyataan, [Jabatan Meteorologi Malaysia \(MetMalaysia\)](#) berkata gempa itu berlaku pada 4.34 petang di wilayah Timor, kira-kira 155km timur laut Kupang dan 1,708km tenggara Sarikei, Sarawak.

Pada 8.10 pagi ini, gempa berukuran 5.7 pada skala Richter berlaku di kedudukan 629km barat daya Siberut, Indonesia, dan 1,140km barat daya Port Dickson, Negeri Sembilan.

Ia dipercayai merupakan gempa susulan berikutan gempa kuat berukuran 7.9 pada skala Richter di barat daya Sumatera pada 8.49 malam semalam.

Seorang jurucakap jabatan itu memberitahu Bernama lebih banyak gempa susulan dijangka berlaku.

Bagaimanapun, tiada ancaman tsunami, katanya.

MetMalaysia berkata orang ramai boleh mengikuti perkembangan berkaitan gempa itu menerusi Facebook <https://www.facebook.com/malaysiamet> dan Twitter <https://twitter.com/malaysianmet>.

-- BERNAMA



Gempa Bumi Bermagnitud 5.7 Di Sumatera Pagi Ini

KUALA LUMPUR, 3 Mac (Bernama) -- Gempa bumi sederhana berukuran 5.7 pada skala Richter melanda barat daya Sumatera pagi ini, kata [Jabatan Meteorologi Malaysia](#).

Menurut jabatan itu, gempa yang berpusat di 629 km barat daya Siberut Indonesia, 1,140 km barat daya Port Dickson, Negeri Sembilan berlaku pada pukul 8.10 pagi tadi.

Ia kini memantau perkembangan pasca gempa bumi itu dan akan memaklumkan perkembangan terkini dari semasa ke semasa, kata kenyataan itu.

Bagaimanapun, tiada ancaman tsunami dikesan, kata kenyataan itu lagi.

Satu gempa bumi berukuran 7.8 pada skala Richter berlaku di perairan Pulau Mentawai, Sumatera Barat, Indonesia pada pukul 7.58 malam (8.45 malam waktu Malaysia) malam tadi dan gegaran dirasai sehingga ke Padang, Wilayah Sumatera Barat, Medan dan Aceh serta beberapa negeri di Malaysia.

-- BERNAMA

It will be a hot month with El Nino in full swing

PRESS DIGEST

BY **KONG SEE HOH**
newsdesk@thesundaily.com

THE current hot spell is expected to prevail for most parts of the peninsula in the next one month due to the El Nino effect.

The situation is particularly severe in the northern region, with no rain predicted for most areas in Perlis, Kedah, Penang and Perak for the next one week.

The temperature in Kampung Chuping, Perlis; Ipoh, Perak; and Petaling Jaya, Selangor hit a high of 36°C on Wednesday, according to a report in *Oriental Daily*

News yesterday.

Alor Star in Kedah and Malacca city were almost as hot at 34°C.

The Meteorological Department has forecast intermittent showers in the Klang Valley in the next several days but such rain is not enough to cause the mercury to fall.

The department's commercial and corporate services division director, Mohd Hisham Mohd Anip, told *Oriental Daily News* the El Nino phenomenon will be in full swing this month, resulting in a significant reduction in rainfall in most areas in the peninsula whereas Sarawak will experience extreme dry weather in some parts but thunderstorms in others.

He said the reduction in rainfall is caus-

ing the temperature to rise between 0.5 and two degrees from the mean annual temperature.

However, he said the current temperature is still within the manageable range and the department is monitoring closely to see if the situation would worsen, which warrants cloud-seeding operations to be carried out.

"The hot spell is expected to last till April. By then a change in weather pattern is expected to bring more rain and lower the temperature," said Mohd Hisham.

According to the Singapore-based Asean Specialised Meteorological Centre, 16 hotspots were detected in Malaysia on Feb 29, most of which were located in central and northern peninsula.



ECERDC Laksana Program Inap Desa Di Kampung Air Papan, Mersing

KUALA LUMPUR, 3 Mac (Bernama) -- Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) merancang membangunkan program inap desa di Kampung Air Papan di Mersing menerusi Pelan Pelaksanaan 1 (2016-2017) Rancangan Malaysia ke-11.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Datuk Seri Jebasingam Issace John berkata program itu merupakan antara projek transformasi ECERDC yang menyasarkan penduduk tempatan, terutama dalam kategori pendapatan B40 atau lebih rendah, untuk meraih manfaat daripada pelaburan awam-swasta.

"Kami mahu mereka menikmati pendapatan dan kualiti hidup yang lebih baik. Ini penting dalam model pembangunan ekonomi modal-ekonomi rakyat," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Beliau berkata ECERDC jga akan menyediakan garis panduan untuk peserta inap desa mengurus perniagaan secara mampan dan menikmati pendapatan berulang.

"Kerja asas untuk projek itu dijangka bermula pada suku kedua tahun ini," katanya.

Sementara itu, beliau berkata Tanjung Penyabong, yang terletak dekat Kampung Air Papan, juga sedang dibangunkan sebagai kawasan tarikan perikanan kelong yang membolehkan masyarakat tempatan membuka restoran makanan laut, gerai produk makanan laut serta menjalankan aktiviti rekreasi pantai.

Beliau berkata kerja-kerja fizikal di Tanjung Penyabong juga dijadual bermula pada suku kedua tahun ini.

Jebasingam berkata projek lain yang sedang dilaksanakan oleh ECERDC di Mersing termasuk pembangunan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) Mersing serta kompleks kraftangan, yang dijangka menjadi tarikan pelancong tempatan, dan pada masa yang sama mewujudkan peluang untuk usahawan tempatan menjual produk tempatan.

Beliau berkata kerja-kerja pembinaan dijadual bermula suku pertama tahun ini.

Projek lain membabitkan Pusat Penemuan Hutan Hujan di Taman Negara Endau Rompin bagi menyemarakkan ekopelancongan dan kehidupan masyarakat Orang Asli.

Beliau berkata ketibaan pengunjung ke taman negara berkenaan semakin meningkat sejak penyiapan kerja-kerja menaik taraf jalan Kampung Kahang - Kampung Peta menuju ke pintu masuk taman.

Beliau berkata projek menaik taraf bahagian selatan, dari Kampung Kahang ke Sungai Emas, kini dalam perancangan.

Menurut Jebasingam, kawasan Pulau Aur, Pulau Besar, Pulau Sibu, Pulau Tinggi dan Pulau Pemanggil juga dicergaskan menerusi kemudahan baharu atau projek menaik taraf kemudahan pengunjung bagi menambah ketibaan pelawat, dan pada masa yang sama meningkatkan usahawan berkaitan pelancongan yang diurus oleh penduduk di pulau-pulau terbabit.

Dari segi pelaburan dan pembangunan modal insan, beliau berkata Mersing menarik RM1.61 bilion pelaburan sejak 2007, yang boleh mewujudkan 1,710 peluang pekerjaan untuk penduduk tempatan.

"Program 'empower ECER' setakat ini memberi manfaat kepada 1,200 pelajar yang mengikuti program kemahiran akademik dan 400 dewasa dalam Latihan Keusahawanan dan Kemahiran, dengan 99 peratus membabitkan kategori pendapatan B40," kata Jebasingam.

Beliau berkata ECERDC juga membangunkan kumpulan usahawan kompetitif menerusi Usahawan ECER yang dibangunkan untuk meningkatkan PKS dan perusahaan mikro.

"Setakat ini program itu memberi manfaat kepada lebih 90 usahawan tempatan," katanya.

Beliau berkata projek khas ECER di Mersing membabitkan Medan Ikan Bakar Sg Endau yang akan memulakan operasi bulan depan, yang membolehkan empat usahawan membuka restoran menjual ikan bakar istimewa Mersing.

Jebasingam berkata Terminal Jahitan Mersing merupakan satu lagi projek unik.

Ia dilaksanakan dengan usaha sama Giatmara dan Program Usahawan ECER yang dilaksanakan di seluruh Wilayah Ekonomi Pantai Timur menrusi sokongan [SIRIM](#), AgroBank dan Maybank.

"Ia memberi manfaat kepada kira-kira 100 usahawan di Mersing," katanya.

-- BERNAMA